



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-1 1031980 / WWW.PIKM.MY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2022(26)

14 SEPTEMBER 2022

SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE-26/2022:

PENGESAHAN OLEH JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA BERHUBUNG KENYATAAN AKHBAR "TIADA KENAIKAN UNTUK PENCUCI DAN PENGAWAL DI BAWAH KONTRAK LAMA (PGM 2020)"

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Merujuk kepada beberapa akhbar tempatan bertarikh 26 Ogos 2022 telah memetik kenyataan Menteri Sumber Manusia YB Datuk Seri M. Saravanan yang menyatakan bahawa **kenaikan gaji berdasarkan Perintah Gaji Minimum (PGM) RM1,500.00 yang berkuatkuasa 1 Mei 2022 tidak melibatkan pekerja kebersihan dan pengawal keselamatan yang mana perkhidmatan mereka tergolong di bawah kontrak perkhidmatan terdahulu iaitu di bawah PGM RM1,200.00.**

3. Sebagai makluman ahli-ahli, atas kekeliruan yang timbul, Persatuan telah mengemukakan surat bertarikh 1 September 2022 untuk mendapatkan pengesahan daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) berhubung status kenyataan akhbar tersebut.

4. Lanjutan itu, PIKM telah menerima surat maklum balas nombor rujukan (44)BHG.PU/9/144Jld10 yang ditandatangani oleh YBhg. Dato' Haji Asri bin Ab Rahman, Ketua Pengarah JTKSM, yang diterima pada 14 September 2022 seperti di lampiran. Berikut merupakan intipati kandungan surat:

4.1 Kenyataan akhbar tersebut adalah memaklumkan mengenai gaji pencuci dan pengawal keselamatan yang bekerja di pejabat-pejabat Kerajaan ketika ini masih lagi dibayar dengan kadar RM1,200.00 atas sebab kontrak yang telah ditandatangani bersama pihak Kerajaan pada ketika itu adalah berdasarkan kepada PGM 2020 yang lama.

4.2 Namun, perkara ini telah diselaraskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui suratnya bertarikh 15 Jun 2022 mengenai arahan penyelarasan harga kontrak perolehan Kerajaan berikutan pelaksanaan PGM 2022.

Presiden

DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF

Timbalan Presiden

MOHAMMAD UBADILLAH BIN IMAN

Naib Presiden

DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ. MAT
BRIG JEN DATO' ZAINAL BIN ABD RAHMAN
TUDM (B)
SALIZAABDULLAH

SetiausahaKehormat

DATO' HABIBULLAH BIN DATO' HJ. AHMAD

BendahariKehormat

FIKHRAN HAMSHI BIN TAN SRI MOHAMAD
FATMI

PengolongSetiausaha

ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

PengolongBendahari

AINI SURAYA BT DATUK OSMAN

Ahli-ahlijawatankuasa

KAPTEN DATO' ISMAIL BIN ISHAK (B)
DATO' ROSMARAYU BT MOKHTAR
DATUK HJ. ZAIDI BIN MOHAMED
MEJAR MOHD ZAINAL BIN JUNI (B)
IR. SOFIA BT DATO' IR. HJ. JOHARI
DATUK M. SHANKER RAJ AYANGER
ACP. ZAKARIA BIN ADAM (B)
DATO' DR BASANT SINGH SIDHU
DATO' DR. YUNUS BIN RAHMAT

JuruauditDalaman

MOHD HODORI BIN SARBINI
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

Pengerusi WP Kuala Lumpur

ADILA BIN DATO' ABDULLAH

Pengerusi Negeri Selangor

DATO' DR. S. PRABAKARAN

Pengerusi Negeri Johor

DATUK HJ. MHD. TAHIR BIN HJ. MOHD NOAH

Pengerusi Negeri Perak

ZAITON BT MOHD NUSI

Pengerusi Negeri Kelantan

HJ. AFENDI BIN MUKHTAR

Pengerusi Negeri Terengganu

CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

Pengerusi Negeri Pahang

MOHAMAD TARMIZI BIN MOHAMAD GHANI

Pengerusi Negeri Pulau Pinang

MUHAMMAD SYAFIQ BIN HJ. ISHAK

Pengerusi Negeri Kedah & Perlis

DATO' HJ. MDROSLI BIN HJ. ABD WAHAB

Pengerusi Negeri Melaka

DATO' SRI GAN PENG LAM

Pengerusi Negeri Sembilan

HJ. KHAIDZER BIN HJ. KEDAH

Pengerusi Negeri Sabah

MOHD ISMAIL BIN HJ. AYOB

Pengerusi Negeri Sarawak

SHAHARUDDIN BINDATO' SAMSI

Sekretariat

Pengurus Besar


JEFF NOR JETTEY

4.3 Semua majikan terutama majikan di sektor keselamatan perlu **membuat penyesuaian dan tuntutan penyesuaian harga kontrak segera** kepada Kementerian yang mempunyai kontrak seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sepertimana surat MOF tersebut **serta mematuhi PGM 2022 (RM1,500.00)**.

5. Diharapkan agar pemakluman ini dapat menjelaskan segala kekeliruan yang timbul.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, stylized loop followed by a vertical stroke and a horizontal line extending to the right.

DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF
PRESIDEN



IBU PEJABAT
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
Aras 3 & 5 , Blok D3 , Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 Wilayah Persekutuan Putrajaya,
MALAYSIA

Telefon : 03-8886 5192
Email : jtksm@mohr.gov.my
Website : www.jtksm.mohr.gov.my

Ruj. Kami : (44) BHG.PU/9/144 Jld. 10
Tarikh : 9 September 2022

YBhg. Dato' Sri Hj Ramli bin Hj Yusuff
Presiden
Persatuan Industri Keselamatan Malaysia
Unit 715 & 716 Blok A, Tingkat 7
Kelana Business Center
Jalan SS 7/2, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya, Selangor



YBhg. Dato' Sri,

**PENGESAHAN KENYATAAN AKHBAR – “TIADA KENAIKAN UNTUK
PENCUCI DAN PENGAWAL DI BAWAH KONTRAK LAMA (PGM 2020)”**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat YBhg. Dato' Sri nombor rujukan PIKM/SEKRETARIAT/JTK/2022(1) bertarikh 1 September 2022 adalah berkaitan.

2. Sepertimana pihak YBhg. Dato' Sri sedia maklum, Perintah Gaji Minimum (PGM) 2022 yang dikuatkuasakan melalui Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) telahpun mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2022, yang mana turut meliputi semua sektor termasuk sektor keselamatan di negara ini.

3. Berkenaan kenyataan akhbar pada 1 September 2022 seperti tajuk di atas adalah bermaksud memaklumkan mengenai gaji pencuci dan pengawal keselamatan yang bekerja di pejabat-pejabat Kerajaan ketika ini masih lagi dibayar dengan kadar RM1,200.00 atas sebab kontrak yang telah ditandatangani bersama pihak Kerajaan pada ketika itu adalah berdasarkan kepada PGM 2020 yang lama. Walau bagaimanapun, perkara ini telah diselaraskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui surat bertarikh 15 Jun 2022 mengenai arahan penyelarasan harga kontrak perolehan Kerajaan berikutan pelaksanaan PGM 2022.

PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA
(MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION (MSIA))

14 SEP 2022

(Sila catatkan nombor rujukan surat ini apabila berhubung dengan jabatan ini)

RECEIVED

PENGESAHAN KENYATAAN AKHBAR – “TIADA KENAIKAN UNTUK PENCUCI DAN PENGAWAL DI BAWAH KONTRAK LAMA (PGM 2020)”

4. Untuk itu, pihak Jabatan berharap semua majikan terutama majikan di sektor keselamatan dapat membuat penyelarasan dan tuntutan segera kepada Kementerian yang mempunyai kontrak dengan mereka seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sepertimana surat MOF tersebut serta mematuhi PGM 2022.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pekerja Tonggak Keluarga Malaysia Dalam Pemulihan Negara”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' HAJI ASRI BIN AB RAHMAN)
Ketua Pengarah Tenaga Kerja
Semenanjung Malaysia